



**PEJABAT KETUA MENTERI SARAWAK  
OFFICE OF THE CHIEF MINISTER OF SARAWAK**

**KENYATAAN MEDIA  
Y.A.B. KETUA MENTERI SARAWAK  
Selaku Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri**

**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

Sejak kebelakangan ini kes-kes jangkitan virus COVID-19 telah meningkat dengan mendadak. Oleh itu, Kerajaan Sarawak telah membuat keputusan untuk mengambil tindakan yang lebih tegas untuk membendung wabak COVID-19 daripada terus merebak seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Negeri (MKN) sebentar tadi.

Langkah-langkah seperti berikut yang berkuatkuasa mulai 18 hingga 31 Mac 2020 bertujuan untuk menghadkan pergerakan orang awam selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (Movement Control Order) yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 yang berkuatkuasa mulai 18 -31 Mac 2020.

1. Pejabat-pejabat Kerajaan ditutup mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020;
2. Hanya Jabatan dan Agensi Kerajaan yang menyediakan "essential services" sahaja dibenarkan beroperasi;
3. Premis-premis perniagaan termasuk kilang-kilang ditutup selama dua (2) minggu kecuali premis perniagaan yang menjalankan "Essential Services". Hanya kilang-kilang di Samalaju, Hi-Tech Samajaya dan kilang-kilang papan lapis dibenarkan beroperasi dengan kakitangan yang minima sahaja;
5. Restoran dan kedai-kedai makan masih boleh dibuka tetapi orang ramai tidak dibenar untuk makan/minum di dalam premis-premis tersebut;
6. Orang ramai hanya dibenarkan keluar rumah untuk membeli barang-barang keperluan harian dan mendapatkan barangan/perkhidmatan yang penting sahaja.

Mana-mana pihak yang tidak mematuhi Arahan ini boleh dikenakan tindakan penjara atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Tamat

Tarikh: 17hb Mac 2020